

## ORIGINAL ARTICLE

WUXU ZHENGBIAN JI DAN SASTERA LAPORAN  
CINA

## WUXU ZHENGBIAN JI AND CHINESE REPORTAGE

Tan Yong Ling<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Falilti Bahasa Dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia / Faculty of Languages and Communication, Sultan Idris Education University, Malaysia.  
Email: tanyongling.k@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/32>

**Abstrak**

Kajian ini meneliti hubungan *Wuxu Zhengbian Ji* (Riwayat tentang Rampasan Kuasa 1898) dengan sastera laporan Cina pada peringkat permulaan. *Wuxu Zhengbian Ji* dikarang oleh Liang Qichao iaitu seorang intelektual yang terkemuka pada akhir Dinasti Qing, dan juga tokoh yang penting dalam Gerakan Pembaharuan 100 Hari. Sehingga kini, *Wuxu Zhengbian Ji* masih merupakan data sejarah yang amat penting bagi kajian Gerakan Pembaharuan 100 Hari. Akan tetapi, kajian terhadap *Wuxu Zhengbian Ji* dari segi sastera laporan adalah kurang kerana kajian yang berkaitan biasanya menumpu kepada aspek pemikiran politik, hubungan dengan hal semasa, perspektif sejarah dan lain-lain. Oleh itu, kajian ini akan menumpu kepada unsur-unsur sastera laporan yang terdapat pada *Wuxu Zhengbian Ji* yang merangkumi unsur keperibadian, unsur kebenaran, unsur kesegeraan, unsur realiti dan unsur sastera. Dapatan kajian ini menunjukkan unsur-unsur sastera laporan terpendam luas di dalam *Wuxu Zhengbian Ji*. Implikasinya, unsur-unsur sastera laporan yang terdapat dalam karya *Wuxu Zhengbian Ji* telah membuktikan terhasilnya penulisan sastera laporan pada penghujung Dinasti Qing dan *Wuxu Zhengbian Ji* merupakan salah sebuah sastera laporan yang berperanan penting dalam sastera laporan Cina pada peringkat permulaan.

**Kata Kunci:** *Wuxu Zhengbian Ji*, Sastera Laporan Cina, Liang Qichao, Gerakan Pembaharuan 100 Hari, Unsur-unsur Sastera Laporan

### Abstract

This research examined the relationship between *Wuxu Zhengbian Ji* (Memoir of the Coup D etat of 1898) with the emergence of Chinese reportage. *Wuxu Zhengbian Ji* was one of the masterpieces from Liang Qichao, the foremost intellectual leader of China during the end of Qing Dynasty, and prominent figure in the Hundred Days' Reform. To date, *Wuxu Zhengbian Ji* is still an important historical data for the Hundred Days' Reform study. However, the study on *Wuxu Zhengbian Ji* from the perspective of reportage was less because most of the relevant studies focus on political ideology, relationship with current affairs, historical perspective and other aspects. Therefore, the study will focus on the reportage elements in *Wuxu Zhengbian Ji* namely the personality, truth, urgency, reality and literary elements. The findings show that *Wuxu Zhengbian Ji* comprised widely of the reportage elements. The implication shows that the reportage elements in *Wuxu Zhengbian Ji* have proved that reportage writing has appeared since the end of Qing Dynasty, and *Wuxu Zhengbian Ji* was one of the most influential Chinese reportages on the emergence of a new literary genre on reportage.

**Keywords:** *Wuxu Zhengbian Ji*, Chinese Reportage, Liang Qichao, Hundred Days' Reform, Reportage Elements

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 1<sup>th</sup> June 2019, revised 30<sup>th</sup> June 2019, accepted 17<sup>th</sup> July 2019

### Pengenalan

Sastera Laporan / Laporan penulisan sastera (*reportage*) merupakan salah satu jenis esei, teks komunikasi, lakaran atau cerita feature yang membawa ciri-ciri kesusasteraan. Ia juga merupakan penulisan yang melibatkan imej pembentukan artistik ke atas kisah benar yang dapat menggambarkan kehidupan nyata. Walaupun penulisan “sastera laporan” melibatkan penambahan ciri-ciri artistik tetapi ia bukan merupakan tulisan fiksyen, ia juga merupakan satu bentuk medium penyebaran berita dengan pengisahan benar (Xu, 2004)<sup>1</sup>. Padahalnya, sastera laporan tidak wujud dalam tradisi genre penulisan Cina, perkataan sastera laporan dalam bahasa Mandarin iaitu “*baogaowenxue*” merupakan kata nama yang dipinjam dari luar negara dan pertama kalinya digunakan di negara China pada tahun 1930.

Kemunculan sastera laporan merupakan keinginan orang ramai untuk mendapatkan maklumat (Li, 2009)<sup>2</sup>. Menurut Yin (2009)<sup>3</sup>, sastera laporan merupakan peta navigasi sejarah pada kurun-20 dan juga “taman bunga” unik yang terdapat dalam kesusasteraan dunia kontemporari, tidak elegan seperti penulisan lain tetapi mempunyai unsur-unsur “kecantikan”

serius dan rasional yang dapat menggambarkan realiti kehidupan masyarakat. Sebenarnya, “sastera laporan” bukan penulisan berita, dan juga bukan merupakan penulisan sastera yang tulen, tetapi ia merupakan sejenis penulisan yang melibatkan gabungan antara bentuk penulisan sastera dan berita. Penulisan “sastera laporan” melibatkan pemerhatian, penemuan dan persefahaman penulis terhadap sesuatu keadaan atau peristiwa dan seterusnya menggunakan teknik penulisan artistik untuk menghasilkan karya-karya sastera laporan. Pengarang dan penyelidik sastera Cina Zhao Xiaqiu (1987)<sup>4</sup> dalam bukunya yang bertajuk *Zhongguo Baogao Wenxue Shi* (Sejarah Sastera Laporan Cina) menyatakan bahawa unsur-unsur laporan dalam penulisan sastera laporan merangkumi tiga unsur utama iaitu kebenaran, kesegeraan dan realiti, dan Yin (2009)<sup>3</sup> juga berpendapat sedemikian dengan menegaskan ciri-ciri kebenaran, kesegeraan dan realiti merupakan unsur-unsur laporan yang penting dalam penulisan sastera laporan.

*Wuxu Zhengbian Ji* merupakan data sejarah yang amat penting dalam pencatatan *Wuxu Zhengbian* (Rampasan Kuasa pada tahun 1898) yang dikarang oleh Liang Qichao iaitu seorang intelektual yang terkemuka pada akhir Dinasti Qing, dan juga tokoh yang penting dalam Gerakan Pembaharuan 100 Hari selain daripada Kang Youwei. Sehingga kini, *Wuxu Zhengbian Ji* masih dijadikan bahan kajian yang penting bagi kajian Gerakan Pembaharuan 100 Hari yang dipimpin oleh Parti Pembaharuan. Akan tetapi, kajian terhadap *Wuxu Zhengbian Ji* dari segi sastera laporan adalah kurang kerana kajian yang berkaitan biasanya menumpu kepada aspek pemikiran politik, hubungan dengan hal semasa, perspektif sejarah dan lain-lain.

Sebenarnya, *Wuxu Zhengbian Ji* merangkumi unsur-unsur kebenaran, kesegeraan dan realiti iaitu unsur-unsur laporan yang paling penting dalam sastera laporan. Sebagai salah satu bahan rujukan sejarah yang penting untuk mewakili sesuatu era dan peristiwa sejarah yang ketara, unsur-unsur laporan yang terdapat dalam *Wuxu Zhengbian Ji* tidak dapat dipertikaikan. Sastera laporan mengutamakan unsur-unsur realistik dan pragmatik, yang bermaksud tema yang dicerminkan dalam karya tersebut hendaklah bersifat pengalaman secara peribadi serta watak, kisah dan adegan dalam karya tersebut harus dialami secara langsung oleh penulis (Ding, 1998)<sup>5</sup>. Menurut Ding (1998)<sup>5</sup>, kebanyakan karya sastera laporan Liang ditulis berasaskan pengalaman peribadinya, dan unsur kebenaran yang ditaruhkan ke dalam penulisan tentang watak dan kisah menyebabkan karya-karyanya membawa makna sejarah kepada zaman moden negara China (Ding, 1998)<sup>5</sup>. Dengan ini, artikel ini ingin menghuraikan unsur-unsur Sastera Laporan yang terpapar dalam karya *Wuxu Zhengbian Ji*, untuk menunjukkan ia merupakan salah satu penulisan genre sastera laporan yang terawal di dalam sejarah kesusasteraan Cina.

## Unsur Keperibadian dan Kebenaran

Bahagian pertama yang berkaitan dengan *Wuxu Zhengbian Ji* yang terpapar dalam isu pertama *Qingyi Bao* ialah “Jilid 3 Sebelum Kejadian Rampasan Kuasa Pada Tahun 1898” yang merangkumi “Bab 1 Sebab Utama Kegagalan Gerakan Pembaharuan” dan “Bab 2 Sebab Lain-

lain Kegagalan Gerakan Pembaharuan”. Pengkaji akan menggunakan kedua-dua bab ini sebagai contoh untuk menganalisis tentang unsur laporan yang terdapat dalam *Wuxu Zhengbian Ji* kerana kedua-dua bab ini selaras dengan unsur-unsur kebenaran, kesegeraan dan realiti, yang merupakan komponen paling penting dalam ciri-ciri laporan. Didapati Liang telah menyenaraikan dua sebab dalam “Sebab Utama Kegagalan Gerakan Pembaharuan” dan 13 sebab dalam “Sebab Lain-lain Kegagalan Gerakan Pembaharuan” dan memberikan penerangan yang terperinci tentang beberapa peristiwa penting. Liang dapat menerangkan peristiwa-peristiwa tersebut secara terperinci adalah kerana beliau merupakan watak yang penting dalam kejadian Gerakan Pembaharuan 100 Hari dan juga telah mengambil bahagian secara langsung yang sepenuhnya dalam perjuangan tersebut.

Liang telah menegaskan dua sebab utama dalam “Bab 1 Sebab Utama Kegagalan Gerakan Pembaharuan”. Seperti berikut:

Terdapat dua sebab utama yang menyebabkan kegagalan Gerakan Pembaharuan. Pertamanya, hubungan antara Maharani Balu Cixi dan Maharaja Guangxu adalah tidak mesra dan harmoni untuk masa yang lama dan sudah lama Maharani Balu Cixi berhasrat tentang pemansuhan Maharaja Guangxu dengan menggantikan Maharaja yang baru. Keduanya, disebabkan oleh kebencian menteri-menteri degil terhadap pembaharuan. (Liang, 1981[1899])<sup>6</sup>

Walaupun Parti Pembaharuan pernah dikritik “terlalu radikal dan tidak matang”, tetapi pengkaji berpendapat Parti Pembaharuan tidak dapat membawa perubahan kepada negara China dan juga tidak dapat melaksanakan pembaharuan pada ketika itu atas sebab utama yang terdapat dalam bab “Sebab Utama Kegagalan Gerakan Pembaharuan” yang menyatakan “sudah lama Maharani Balu Cixi berhasrat tentang pemansuhan Maharaja Guangxu dengan menggantikan Maharaja yang baru” dan “kebencian menteri-menteri degil terhadap pembaharuan”. Sebagai “tulung belakang” Parti Pembaharuan, Liang merupakan orang yang paling memahami keadaan yang sebenarnya, dalam Gerakan Pembaharuan 100 Hari yang singkat ini, para menteri sebenarnya langsung tidak menghormati Maharaja Guangxu, Maharani Balu Cixi masih memiliki kuasa pemerintah yang sebenar dan kuasa pemansuhan Maharaja masih berada di tangan Maharani Balu Cixi. Keadaan khusus yang berkaitan dengan kelakuan menteri yang tidak menghormati Maharaja Guangxu dinyatakan dalam “Bab 2 Sebab Lain-lain Kegagalan Gerakan Pembaharuan”.

“Bab 2 Sebab Lain-lain Kegagalan Gerakan Pembaharuan” secara khususnya telah menerangkan halangan-halangan yang dihadapi oleh Parti Pembaharuan dari kejadian *Gongche Shangshu* sehingga kejadian perintah rahsia yang dihantar oleh Maharaja Guangxu sehari sebelum kejadian rampasan kuasa 1898. Didapati 13 sebab yang dinyatakan dalam bab ini telah menunjukkan situasi pegawai Parti Pembaharuan yang kerap kali diadu oleh menteri konservatif (sebab-sebab pertama, ketiga dan keempat), malah penganiayaan (sebab-sebab kedua dan ketiga), hubungan bermusuhan antara Parti Pembaharuan dan golongan konservatif. Walaupun Maharaja Guangxu berhasrat untuk melaksanakan pembaharuan dan juga menjadi sokongan

kepada Parti Pembaharuan, tetapi para pembesar konservatif tidak mempedulikan perintah Maharaja Guangxu yang menunjukkan kuasa pemerintahan sebenar masih dikuasai oleh Maharani Balu Cixi (sebab-sebab kelima, keenam dan kesembilan).

“Jilid 3 Sebelum Kejadian Rampasan Kuasa Pada Tahun 1898” telah merangkumi unsur yang sangat penting dalam unsur laporan dalam penulisan sastera laporan iaitu unsur kebenaran, kerana pembaca dapat mengetahui masalah yang dihadapi oleh Parti Pembaharuan, tokoh-tokoh Parti Pembaharuan dan usaha mereka dalam kerjaya pembaharuan, menteri-menteri konservatif dan tindakan yang diambil oleh mereka untuk menghalang pembaharuan, usaha dan sokongan yang disumbang oleh Maharaja Guangxu dalam Gerakan Pembaharuan, dilema yang dihadapi oleh Maharaja Guangxu dan hakikat bahawa kuasa pemerintahan yang sebenar masih dikuasai Maharani Balu Cixi melalui pembacaan bab tersebut. Liang menerusi penulisannya untuk memberitahu pembaca bahawa Maharaja Guangxu menyokong Gerakan Pembaharuan dan juga kerjaya pembaharuan. Namun, Parti Pembaharuan bersama Maharaja Guangxu tidak berupaya menentang kuasa-kuasa besar Maharani Balu Cixi dan golongan konservatif. Secara ringkasnya, “mengutamakan kebenaran dalam setiap peristiwa” merupakan unsur yang paling penting dalam penulisan sastera laporan.

### Unsur Kesegeraan dan Realiti

*Wuxu Zhengbian Ji* dianggap sebagai rujukan sejarah penting untuk menerangkan kejadian rampasan kuasa pada tahun 1898 bagi generasi kemudiannya. Akan tetapi *Wuxu Zhengbian Ji* yang diterbitkan dalam *Qingyi Bao* adalah mematuhi sepenuhnya unsur kesegeraan yang terdapat dalam sastera laporan. Unsur kesegeraan dalam sastera laporan membezakannya daripada penulisan sejarah dan juga merupakan faktor penting yang menarik perhatian pembaca. Perlu diperhatikan bahawa unsur kesegeraan yang dipentingkan oleh Liang dalam kejayaan kewartawannya adalah sumber penting bagi populariti dan pengaruhnya yang besar (Charlotte Furth, 1983)<sup>7</sup>.

Gerakan Pembaharuan 100 Hari bermula pada 11hb Jun 1898, Maharani Balu Cixi mencetuskan kajadian rampasan kuasa pada 21hb September 1898, dan enam wira *Wuxu* dibunuh, Liang melari diri ke Jepun, mengasaskan *Qingyi Bao* pada bulan November dan bermula menerbit *Wuxu Zhengbian Ji* di *Qingyi Bao* pada bulan Disember. Dari perspektif seseorang yang terlibat secara langsung dalam kejadian tersebut, Liang tepat masa mendedahkan cerita yang sebenarnya dalam kejadian penting yang diambil berat oleh orang ramai pada ketika itu (Ding, 1998)<sup>5</sup>. *Qingyi Bao* diasaskan tiga bulan selepas *Wuxu Zhengbian*, isu pertama *Qingyi Bao* telah menerbitkan dua bab yang berkaitan dengan *Wuxu Zhengbian Ji* iaitu “Sebab Utama Kegagalan Gerakan Pembaharuan” dan “Sebab Lain-lain Kegagalan Gerakan Pembaharuan”. Dalam kata erti lain, kedua-dua bab tersebut berkemungkinan besar merupakan kenalan pertama kebanyakan pembaca terhadap artikel yang berkaitan dengan *Wuxu Zhengbian* yang dikarang oleh Liang dari pihak Parti Pembaharuan. Ini kerana pada ketika itu,

Parti Pembaharuan di dalam negara China telah dibubuh dan ahlinya diburu oleh kerajaan Qing, dan kerajaan Qing pasti juga melaksanakan kawalan bersuara (*control of speech*). Walaupun *Wuxu Zhengbian Ji* telah bermula diterbitkan di *Dongya Shibao* 12 hari sebelum pengasasan *Qingyi Bao* oleh Liang, akan tetapi, *Dongya Shibao* merupakan akhbar bahasa Jepun dan lebih sukar untuk disebar di China jika berbanding dengan *Qingyi Bao*.

Unsur kesegeraan memberi tumpuan kepada “peristiwa yang bermakna dan mempunyai nilai pelaporan sastera laporan pada seketika itu”. Oleh itu, *Wuxu Zhengbian Ji* yang mencatatkan kejadian *Wuxu Zhengbian* yang menjadi perhatian seluruh negara China pada ketika itu telah memenuhi unsur kesegeraan yang diperlukan oleh sastera laporan. Perlu diperhatikan bahawa *Qingyi Bao* merupakan saluran yang penting bagi *Wuxu Zhengbian Ji* mencapai unsur kesegeraan yang diperlukan dalam sastera laporan. Ini kerana akhbar merupakan alat propaganda yang terbaik pada ketika itu kerana akhbar dapat menyebarkan maklumat dengan lebih cepat dan luas jika berbanding dengan alat propaganda yang lain.

Jika berbanding dengan penulisan sastera yang lain, permintaan sastera laporan terhadap unsur kesegeraan adalah lebih jelas dan kuat, unsur kesegeraan (realiti) sastera laporan menumpukan kepada nilai-nilai sosial dan kepentingan zaman pada sesuatu sastera laporan. *Wuxu Zhengbian Ji* menggambarkan perjuangan antara golongan pembaharuan dan konservatif yang menunjukkan kesulitan dinasti feudal dan keadaan sosial yang menghadapi perpecahan dan transformasi pada ketika itu, dan ini menunjukkan ciri-ciri zaman *Wuxu Zhengbian Ji* yang jelas (Ding, 1998)<sup>5</sup>.

Didapati “Bab 1 Penggulingan Sistem Pembaharuan Baru” yang terdapat dalam jilid kelima iaitu “Keadaan Semasa Kejadian Rampasan Kuasa” dan jilid kedua iaitu “Pemburuan Terhadap Pejuang-pejuang Pembaharuan” dalam isu kedua dan ketiga *Qingyi Bao* untuk menganalisis unsur-unsur kesegeraan yang terdapat dalam *Wuxu Zhengbian Ji*. Dalam bab “Penggulingan Sistem Pembaharuan Baru” telah menyenaraikan dengan jelas terhadap tindakan “kemusnahan” yang diambil oleh Maharani Balu Cixi terhadap dasar-dasar pembaharuan yang dilaksanakan oleh Maharaja Guangxu, seperti “memulihkan kementerian-kementerian seperti *Zhan Shi Fu* dan lain yang dimansuh dan pegawai-pegawai yang dilucut jawatan oleh Maharaja”, “melarang rakyat dan para intelektual mengemukakan petisyen”, “pembubaran Pejabat Akhbar Rasmi”, “menghentikan penubuhan sekolah-sekolah menengah dan rendah di setiap wilayah”, “memulihkan sistem peperiksaan *Ba Gu*”, “membatalkan peperiksaan khas politik dan ekonomi”, “memansuhkan Jabatan Petanian, Pekerjaan dan Perniagaan”, “mengarah gabenor setiap wilayah menyemak dan melarang pejabat akhbar di seluruh negara dan tangkap segera ketua pengarang setiap pejabat akhbar”, “melarang penubuhan persatuan dan menangkap ahli persatuan”, “memulihkan pengangkutan makanan”, “memulihkan jawatan Gabenor Guangdong, Hubei dan Yunnan” dan “memulihkan Peperiksaan Seni Bela Diri”. Liang mementingkan “kepekaan sesuatu kejadian (berita)”, oleh itu, setelah menjelaskan sebab-sebab kejadian rampasan kuasa pada isu pertama *Qingyi Bao*, Liang terus menjelaskan peristiwa-peristiwa “kerosakan” dan balas dendam yang dilakukan oleh Maharani Balu Cixi terhadap Sistem Pembaharuan Baru serta

penganiayaan terhadap pejuang-pejuang pembaharuan dan nasib mereka dalam isu kedua dan ketiga *Qingyi Bao*. Kandungan-kandungan ini merupakan peristiwa-peristiwa yang amat diambil berat oleh rakyat (pembaca).

Liang bukan sahaja menyenaraikan “sistem lama” dan tarikh pelaksanaannya yang dipulih dan dilaksanakan oleh Maharani Balu Cixi dan menteri-menteri konservatif untuk menggulingkan Sistem Pembaharuan Baru, maka juga melampirkan sebab-sebab pelaksanaan Sistem Pembaharuan Baru oleh Maharaja Guangxu dan kelemahan sistem lama yang perlu diganti atau diperbetulkan pada setiap undang-undang yang dilaksanakan oleh pihak konservatif. Sebagai contoh, dalam undang-undang sistem lama yang dipulihkan iaitu “memulihkan sistem peperiksaan *Ba Gu*”, Liang telah menjelaskan keburukan sistem ini terhadap perkembangan negara pada ketika itu.

Sistem Peperiksaan *Ba Gu* yang diadakan untuk memilih intelektual yang cemerlang untuk menyandang jawatan awam merupakan sebab utama tamadun China dikurung. Sistem pemeriksaan ini yang menyebabkan para intelektual tidak peduli terhadap sebarang perkara objektif, tidak mengetahui masa lampau dan kini dan tidak tahu mengenai lima benua dunia. Pemikir terkenal pada awal dinasti Qing Gu Yanwu pernah menyatakan sistem ini merupakan bencana yang lebih serius daripada kejadian “bakar buku dan tanam para intelektual” yang berlaku semasa dinasti Qin, dan ini adalah pernyataan yang benar yang bukan khabar angin. Kini, hanya dapat bergantung kepada kuasa Maharaja untuk menghapuskan kelemahan budaya ini. Tetapi malangnya, sistem pemeriksaan lama ini dipulih semula yang hanya dimansuhkan beberapa bulan sebelum ini, akan menyebabkan empat ratus trilion rakyat negara jatuh ke neraka gelap untuk selama-lamanya. (Liang, 1981[1899])<sup>6</sup>

Pemansuhan Peperiksaan *Ba Gu* merupakan salah satu pembaharuan yang paling penting dalam Gerakan Pembaharuan kerana budaya Peperiksaan *Ba Gu* sudah lama “berakar” di negara China dan kedudukannya hampir tidak dapat digoncangkan. Parti Pembaharuan percaya dengan bantuan Maharaja Guangxu dapat membantu dalam penghapusan bencana ini yang telah menjejaskan berjuta-juta para intelektual tradisional. Selain itu, Liang berasa amat sedih kerana Sistem Pembaharuan Baru yang dapat mengubah keadaan para intelektual negara China yang “tidak mengetahui masa lampau dan kini, tidak tahu mengenai lima benua dunia” telah dihapus dan kembali kepada sistem pemeriksaan lama, ini memang akan membawa penderitaan kepada empat ratus trilion rakyat negara.

Pengkaji berpendapat rakyat atau pembaca yang menumpu perhatian terhadap *Wuxu Zhengbian* juga merupakan seseorang yang memerhatikan Gerakan Pembaharuan. Walaupun tidak dapat membuat spekulasi sama ada mereka menyokong 100 peratus terhadap Gerakan Pembaharuan, tetapi dipercayai mereka serba sedikit memahami tentang pemikiran “memodenkan rakyat”, unsur sensitif pembaharuan dalam Sistem Pembaharuan Baru yang dicadangkan oleh Parti Pembaharuan. Keadaan ini sama seperti keadaan kita hari ini, contohnya, jika kita berminat terhadap sesuatu kejadian berita, tidak mengira sama ada bersetuju atau tidak setuju terhadap kejadian tersebut, kita akan secara automatik memberi perhatian kepada

perkembangan dan susulan peristiwa berita tersebut. Kejadian Gerakan Pembaharuan seperti kejadian berita penting hari ini, *Wuxu Zhengbian Ji* bagi perkembangan susulan kejadian berita penting tersebut. Nilai sosial dan kepentingan zaman dalam perkembangan kejadian *Wuxu Zhengbian* bergantung kepada Liang untuk diubah kepada kata-kata melalui penulisan dan disampaikan kepada para pembaca.

Selain itu, sastera laporan membolehkan pembaca berpeluang untuk membaca hal ehwal sesuatu kejadian dari sisi lain, terutamanya apabila kejadian tersebut dikawal atau dicampur tangan oleh pihak pemerintah. Dalam bab “Penggulingan Sistem Pembaharuan Baru” telah menyatakan selepas kejadian *Wuxu Zhengbian*, Maharani Balu Cixi telah “mengarah gabenor setiap wilayah menyemak dan melarang pejabat akhbar di seluruh negara dan tangkap segera ketua pengarang setiap pejabat akhbar”, dan ini telah menunjukkan tindakan campur tangan dan kawalan bersuara oleh pihak pemerintah. Liang juga berpendapat bahawa tindakan Maharani Balu Cixi dan menteri-menterinya tersebut adalah “pemerintahan zalim”, kerana “seluruh dunia pada masa kini, kecuali negara yang rela hati untuk menjadi barbar, jika tidak, tiada sesiapa yang sanggup untuk melaksanakan pemerintahan zalim sebegini”, dan pada masa yang sama mengejek perintah yang diturunkan oleh kerajaan Qing kerana mereka (kerajaan Qing) pasti “tidak mengetahui tentang pejabat-pejabat akhbar di semua tempat adalah dilindungi oleh negara asing, tidak dapat dan tidak boleh diharamkan.” *Qingyi Bao* yang diasaskan oleh Liang di Jepun tidak dapat dikawal oleh kerajaan Qing, oleh itu, beliau dapat menghasilkan peluang kepada pembaca untuk mengetahui kejadian *Wuxu Zhengbian* dari sisi lain yang berlainan dengan berita yang dilaporkan oleh kerajaan Qing.

Sejak kuasa pemerintah kembali kepada Maharani Balu Cixi, baginda melaksanakan pemburuan terhadap pejuang-pejuang pembaharuan, dengan tuduhan “bersuhabat antara satu sama lain untuk keuntungan peribadi” dan menyebabkan kehuru-haraan seluruh negara. (Liang, 1981[1899])<sup>6</sup>

Tokoh-tokoh pembaharuan dituduh oleh kerajaan Qing dengan tuduhan “bersuhabat antara satu sama lain untuk keuntungan peribadi”, tetapi Liang dalam bab “Pemburuan Terhadap Pejuang-pejuang Pembaharuan” telah menyenaraikan identiti dan sumbangan mereka dalam Gerakan Pembaharuan, agar membersihkan tuduhan mereka di depan pembaca. Ini telah menunjukkan unsur zaman (realiti) sastera laporan yang terdapat dalam *Wuxu Zhengbian Ji*.

## Unsur Sastera

Satu lagi komponen yang penting dalam sastera laporan adalah unsur sastera. *Wuxu Zhengbian Ji* merupakan karya sastera laporan pada peringkat embrionik, yang berbeza daripada karya sejarah umum atau berita tulen dan berunsur sastera. Menurut hujahan Yin (2009)<sup>3</sup> mengenai unsur sastera yang terdapat dalam sastera laporan, *Wuxu Zhengbian Ji* adalah selaras dengan pendapat yang dinyatakan olehnya yang berkaitan dengan ciri-ciri artistik, seperti “warna politik sastera yang jelas”, “pemerihalan yang rancak terhadap kejadian sebenar dapat menimbulkan perasaan



secara langsung pembaca terhadap sesuatu keadaan tersebut”, “memperhatikan dan memerangkap butiran-butiran tipikal sesuatu kejadian” dan “penggunaan komprehensif terhadap pelbagai taktik artistik”.

Sastera laporan merupakan produk budaya politik dan juga merupakan pembawa komunikasi budaya politik. Oleh itu, ia mempunyai warna politik sastera yang jelas dan tersendiri. *Wuxu Zhengbian Ji* adalah teks penting yang mencatatkan Kejadian Rampasan Kuasa pada tahun 1898, dan juga suara perwakilan Parti Pembaharuan, memaklumkan pembaca tentang sebab dan akibat kejadian *Wuxu Zhengbian* dari sudut pandangan Parti Pembaharuan.

Sejak Guangxu 14 tahun, Kang Youwei telah melibatkan diri dalam usaha pembaharuan. Pertama kalinya, Kang sebagai seorang rakyat biasa melutut di depan istana untuk mengemukakan petisyen kepada Maharaja untuk menyatakan tentang penindasan negara asing terhadap China dan krisis-krisis yang dihadapi oleh negara China, dan kemudiannya yang berkaitan dengan konspirasi Rusia terhadap negara-negara Timur, menyanjung tinggi terhadap pelaksanaan dasar pembaharuan di negara Jepun agar meminta kerajaan China melaksanakan pembaharuan demi menyelesaikan “penyakit” yang terwujud sejak lama. Kang bercadang kerajaan harus melakukan pengubahsuaian terhadap hal ehwal dalam negara dengan merujuk kepada negara-negara Barat untuk melaksanakan pembaharuan di negara China. (Liang, 1981[1899])<sup>6</sup>

Sebelum membawa “pemikiran pembaharuan” ke kerajaan pusat secara rasmi, Parti Pembaharuan yang diketuai oleh Kang Youwei telah berusaha secara aktif untuk menyatakan krisis-krisis negara China pada ketika itu dan menegaskan keperluan untuk melaksanakan pembaharuan. Walaupun petisyen Kang tidak diterima oleh menteri-menteri untuk dikemukakan kepada Maharaja Guangxu, tetapi beliau tidak melepaskan pemikiran “*Bianfa*”nya dan kembali ke Guangdong mengasas sekolah untuk mendidik anak muridnya dengan pembelajaran praktikal. Sepanjang tempoh ini, pemikiran Kang berpengaruh kuat terhadap anak muridnya, antaranya termasuk Liang Qichao. Sehingga pada tahun 1895, Kang kembali ke Beijing untuk menyertai peperiksaan awam kerajaan, dan berlakunya kejadian Perjanjian Shimonoseki yang menjatuhkan maruah negara China. Dengan ini, Kang berpeluang lagi untuk mengemukakan petisyennya untuk menegaskan keperluan untuk melaksanakan pembaharuan dengan segera, dan kejadian ini dikenali sebagai *Gongche Shangshu*. Dalam “Bab 1 Asal usul Kang You Wei Diberi Tumpuan” pada *Wuxu Zhengbian Ji*, Liang telah mengulaskan peristiwa yang berkaitan dengan petisyen yang dihantar oleh Kang.

Tandatangan perjanjian damai (yang tidak adil) telah ditandatangani dan seluruh negara dilanda emosi dihina dan sedih, maka kini merupakan masa yang sesuai untuk menurunkan perintah untuk membangkitkan semula semangat intelektual dan rakyat, yang akan membawa situasi dari kalah berubah menjadi menang. Dengan ini, adalah mudah untuk menubuh semula asas negara. Ketertiban pembaharuan telah dinyatakan dengan teliti di dalam petisyen tersebut. (Liang, 1981[1899])<sup>6</sup>

Petisyen (Kang) yang dikemukakan mendapat pujian daripada Maharaja Guangxu dan baginda mengarah untuk membuat salinan, satu salinan dihantar kepada Maharani Balu Cixi, satu salinan disimpan di Istana Maharaja (*Palace of Heavenly Purity*) untuk dirujuk, dan satu salinan lagi

dihantar kepada gabenor-gabenor di setiap wilayah untuk dirunding dan dibincang. Ini merupakan kali pertama dan bermulanya Kang menerima perhatian dan penghargaan daripada Maharaja.

Petisyen ketiga Kang telah berjaya dikemukakan dan mendapat perhatian Maharaja Guangxu. Disebabkan situasi yang kompleks pada ketika itu, Maharaja Guangxu tidak dapat melaksanakan Pembaharuan Sistem dengan segera. Walaupun baginda mempunyai pemikiran positif terhadap pelaksanaan pembaharuan, tetapi baginda tetap perlu mempertimbangkan pendapat dan pendirian Maharani Balu Cixi dan para pembesar. Sehingga bulan Jun Guangxu 14 tahun (tahun 1898), selepas cadangan Weng Tonghe, “Maharaja memutus keputusan untuk melaksanakan pembaharuan” dengan “menurunkan 12 perintah diraja untuk melaksanakan pembaharuan”.

Gerakan Pembaharuan ditamat akibat pembantahan dan campur tangan daripada Maharani Balu Cixi dan para pembesar yang berpihak kepada Maharani Balu Cixi. Kemudiannya, Maharani Balu Cixi juga “melucutkan jawatan Weng Tonghe sebagai Guru Maharaja Guangxu serta jawatan rasmi kerajaan menteri-menteri yang berkait rapat dan dipercayai oleh Maharaja Guangxu yang termasuk Wen Tingshi, Wang Mingman, Zhang Lin dan lain-lain”, dan “ini merupakan penggantungan pelaksanaan pembaharuan”. Dalam bab ini, Liang telah menjelaskan secara ringkasnya pemikiran Kang Youwei sebagai pemimpin Parti Pembaharuan dan sokongan daripada Maharaja Guangxu terhadap pelaksanaan pembaharuan. Pembaharuan Sistem digagalkan atas sebab pembantahan dan halangan daripada Maharani Balu Cixi dan para menteri konservatif, yang mencerminkan “warna politik sastera yang jelas”.

Selain itu, unsur sastera “pemerihalan yang rancak terhadap kejadian sebenar dapat menimbulkan perasaan secara langsung pembaca terhadap sesuatu keadaan tersebut” dapat diterokai dari bab “Sebab-sebab Lain Kegagalan Gerakan Pembaharuan”. Pada ketika tindakan penggulingan kuasa terhadap Pembaharuan Sistem semakin jelas, “Yangrui diarah untuk menghadap Maharaja serta diturunkan satu perintah rahsia yang menyatakan kedudukan baginda terugut dan mengarah agar berusaha untuk menyelamatkan baginda. Baginda juga menurunkan perintah rahsia kepada Kang Youwei, Yang Rui dan empat orang yang lain. Mereka menangis selepas menerima perintah tersebut dan mengetahui Maharaja berada dalam kedudukan yang amat bahaya dan merancang untuk meminta bantuan Yuan Shikai semasa Yuan datang ke Beijing untuk menyertai Upacara *Yue Bing* (*perarakan tentera*) pada bulan September. Mereka tunjukkan perintah rahsia kepada Yuan dan berharap dia akan membantu untuk menyelamatkan Maharaja tetapi akhirnya tindakan ini membawa kegagalan kepada pembaharuan”.

Melalui penerangan Liang dalam perkara ke-13 pada bab “Sebab-sebab Lain Kegagalan Gerakan Pembaharuan”, pembaca dapat mengetahui situasi ketika Maharaja Guangxu menurunkan perintah rahsia dengan lebih jelas. Contohnya seperti, dalam penceritaan tentang “mereka menangis selepas menerima perintah tersebut dan mengetahui Maharaja berada dalam kedudukan yang amat bahaya” akan menyebabkan pembaca seolah-olah dapat merasai suasana kesedihan dan kedudukan Maharaja yang amat bahaya.

Dalam “Bab 2 Konspirasi Pemansuhan Takhta sejak Guangxu 20 tahun” dalam “Jilid 2 Asal Usul Pemansuhan dan Penggantian Takhta” telah menjelaskan enam perkara yang dilakukan oleh Maharani Balu Cixi untuk “memotong sayap (menyekat kuasa) Maharaja Guangxu”, antaranya termasuk kejadian Pegawai Pemantauan An Weijun “mengemukakan petisyen pembantahan yang mengatakan Maharani Balu Cixi telah memulangkan kuasa pemerintahan kepada Maharaja Guangxu, malah Maharani Balu Cixi tidak harus campur tangan dalam segala hal ehwal pemerintahan, agar tidak menghalang pemerintahan Maharaja Guangxu”, dan ini telah merangsang kemarahan Maharani Balu Cixi, An Weijun dilucutkan jawatan dan dibuang ke Zhang Jiakou; melucutkan gelaran Gundik Jin dan Gundik Zhen dan dikenakan hukuman rotan, dan abang mereka Zhi Rui dibuang ke Uliastai, Mongolia; melucutkan jawatan Weng Tonghe sebagai Guru Maharaja Guangxu; melucutkan jawatan Timbalan Menteri *Gong Bu Wang Mingman* dan Timbalan Menteri *Bing Bu Zhang Lin*; Pegawai *Han Lin Yuan Wen Tingshi* dihalau keluar dari Beijing agar tidak dapat berjumpa dengan Maharaja Guangxu; dan hukuman mati terhadap sida Maharaja Guangxu Kou Liancai. Mengambil kejadian Kou Liancai sebagai contoh, Kou merupakan pegawai sida yang dihantar oleh Maharani Balu Cixi ke sisi Maharaja Guangxu untuk memantau baginda, tetapi kemudiannya beralih untuk menyokong Maharaja Guangxu, dan “berani bercakap” bagi mempertahankan Maharaja Guangxu di depan Maharani Balu Cixi, tetapi akhirnya dijatuhkan hukuman mati. Menurut penerangan Liang, “Kou Liancai seorang yang memahami kebenaran dan mengambil berat terhadap keadaan semasa. Pada suatu hari, Kou melutut dan menangis depan Maharani Balu Cixi untuk merayu Maharani Balu Cixi agar tidak menyekat kuasa Maharaja Guangxu kerana baginda merupakan Maharaja yang bijak dan mulia. Kou juga menyebut tentang kekurangan dana negara yang dihadapi pada ketika itu dan menasihati Maharani Balu Cixi agar tidak terlalu mementingkan hiburan, menghentikan kerja pembinaan taman, dan mengadu terhadap menteri yang dipercayai oleh Maharani Balu Cixi. Maharani Balu Cixi sangat marah dan mengarah *Shen Xingsi* (Jabatan Jenayah dalam istana) mempenjarakan Kou, tanpa menyoal siasat dan dijatuhkan hukuman mati pada keesokan hari. Apabilan kematian Kou diketahui Maharaja Guangxu, baginda menangis terhadap kematian Kou”.

Liang Qichao menulis dengan pemerihalan yang rancak (*lively*) “perasaan sebenar” peristiwa-peristiwa tersebut, dan juga telah menceritakan sebab kemurkaan Maharani Balu Cixi dan keadaan Maharaja Guangxu dalam kesedihan dan menangis, menyebabkan pembaca seolah-olah telah mengalami keadaan sebenar yang berlaku dalam penulisan tersebut, seakan-akan dapat merasa ketidak berdayaan Maharaja Guangxu dan pemerintahan kediktatoran oleh Maharani Balu Cixi pada ketika itu.

Unsur sastera ketiga iaitu “memperhatikan dan memerangkap butiran-butiran tipikal sesuatu kejadian” berkait rapat dengan unsur sastera “pemerihalan yang rancak terhadap kejadian sebenar”. Seseorang penulis yang dapat menulis secara rancak terhadap kejadian sebenar merupakan seseorang yang mempunyai kepekaan yang kuat, dapat memperhatikan dan memerangkap butiran-butiran tipikal sesuatu kejadian, dan ini akan menjadikan kontur watak-watak dan peristiwa tertentu menjadi lebih jelas. Dalam “Bab 2 Konspirasi Pemansuhan Takhta

Sejak Guangxu 20 tahun”, Liang telah menceritakan ketakutan Maharaja Guangxu terhadap Maharani Balu Cixi, dan juga telah “memerangkap” perincian sikap kerabat diraja terhadap Maharani Balu Cixi, “Semasa melucutkan gelaran Gundik Jin dan Gundik Zhen, Maharani Balu Cixi berhasrat untuk memansuhkan kedudukan Maharaja Guangxu dan menggantikan Maharaja yang baru yang bernama Pu yang merupakan cucu seorang ahli kerabat diraja. Pu tersebut berpura-pura gila dan tidak mahu menerima ‘kurniaan’ tersebut. Keseluruhan kerabat diraja mengetahui sikap kediktatoran Maharani Balu Cixi, dan tidak mahu menjadi seorang Maharaja (mangsa) yang terkurung dalam pengawalan Maharani Balu Cixi”, sebaiknya memerangkap imej tipikal kediktatoran Maharani Balu Cixi melalui perspektif dan pandangan orang lain (kerabat diraja). Walaupun Maharaja Guangxu dipulangkan kuasa pada tahun Guangxu 16 tahun, tetapi Maharani Balu Cixi masih menguasai kuasa pemerintah yang sebenar, “Walaupun Maharaja dipulangkan kuasa tetapi hanya dari segi nama dan tiada kuasa pemerintah sebenar, segala pelantikan anggota pentadbiran masih dikawal Maharani Balu Cixi, dalam istana iaitu sida Li Lianying sehingg ke luar istana iaitu Menteri Kementarian Utama Sun Yuwen juga merupakan ‘orang’ Maharani Balu Cixi, Maharani Balu Cixi masih memegang kuasa sepenuhnya dan Maharaja Guangxu hanya sebagai boneka”. Butiran-butiran tersebut telah menyerlahkan butiran tipikal kediktatoran Maharani Balu Cixi.

Di samping itu, sokongan Maharaja Guangxu dalam pelaksanaan pembaharuan adalah amat penting kerana dengan sokongan baginda barulah Pembaharuan Sistem dapat dilaksanakan secara rasmi. Walaupun pelaksanaan Pembaharuan Sistem berakhir dengan kegagalan, tetapi Liang telah berulang kali memerangkap butiran-butiran yang berkaitan dengan sokongan Maharaja Guangxu terhadap pelaksanaan pembaharuan, antaranya seperti dalam bab “Sebab Lain-lain Kegagalan Gerakan Pembaharuan” yang menceritakan tentang “Maharaja mengeluarkan perintah untuk melaksanakan Sistem Pembaharuan Baru pada 23hb April”; “*Houbu Jingtang* (Pegawai Penggantian Kanan) Cen Chunxuan mengemukakan petisyen untuk memecat pegawai yang berlebihan, Maharaja mengizinkan pelaksanaan cadangannya” dengan memansuhkan jawatan Gabenor Guangdong, Hubei, Yunnan dan lain; atas sebab Ketua Menteri *Li Bu* tidak menyampaikan “petisyen mencadang Maharaja berkunjung ke negara asing yang dikemukakan oleh Pegawai *Li Bu Wang Zhao*”, “Maharaja berasa sungguh marah” dan kemudiannya “mengarah untuk memansuhkan jawatan *Li Bu Shang Shu Huai Ta Bu* dan enam pegawai lain”, di samping “mengkurniakan Wang Zhao jawatan sebagai *Jingtang* yang berpangkat empat” yang menunjukkan “permulaan Maharaja melaksanakan ganjaran dan hukuman” yang “membawa kegembiraan kepada golongan pembaharuan”. Melalui pemerihaln yang rancak terhadap Maharaja Guangxu oleh Liang, pembaca dapat mengetahui bahawa Maharaja Guangxu merupakan pemerintah yang menyokong pelaksanaan pembaharuan dan juga merupakan salah seorang *advocate* dalam Gerakan Pembaharuan.

## Kesimpulan

*Wuxu Zhengbian Ji* boleh dirumuskan sebagai sebuah karya yang mempunyai pelbagai identiti, sama seperti pengarangnya Liang yang juga merupakan salah seorang yang mempunyai pelbagai identiti dan aktif dalam bidang kewartawanan, politik, pemikiran, pendidikan dan lain-lain pada akhir Dinasti Qing. Tambahan pula, tidak dapat dinafikan bahawa *Wuxu Zhengbian Ji* juga merupakan salah satu rujukan penting bagi kejadian *Wuxu Zhengbian* dari segi politik, ideologi dan sejarah.

Akan tetapi, melalui kajian teks terhadap *Wuxu Zhengbian Ji* didapati unsur-unsur sastera laporan terpendam luas di dalamnya. Walaupun konsep *baogaowenxue* (sastera laporan) belum diperkenalkan di negara China pada penghujung Dinasti Qing tetapi tidak dapat dinafikan bahawa penulisan *Wuxu Zhengbian ji* merangkumi konsep sastera laporan yang diperkenalkan kemudiannya seperti unsur-unsur berita (laporan) yang melibatkan unsur keperibadian, unsur kebenaran, unsur kesegeraan, unsur realiti, dan juga unsur-unsur sastera. Unsur-unsur sastera yang terdapat dalam *Wuxu Zhengbian Ji* adalah selaras dengan ciri-ciri artistik sastera laporan yang diumumkan kemudiannya semasa kemunculan penamaan rasmi “sastera laporan”, seperti “warna politik sastera yang jelas”, “pemerihalan yang rancak terhadap kejadian sebenar dapat menimbulkan perasaan secara langsung pembaca terhadap sesuatu keadaan tersebut” dan “memperhatikan dan memerangkap butiran-butiran tipikal sesuatu kejadian” yang merangsang minat pembaca sehingga berpengaruh luas terhadap pembaca sezaman dan juga generasi yang kemudiannya.

Kesimpulannya, hujahan-hujahan tentang unsur-unsur sastera laporan di atas telah membuktikan terhasilnya penulisan sastera laporan pada penghujung Dinasti Qing dan *Wuxu Zhengbian ji* merupakan salah sebuah sastera laporan yang berperanan penting dalam sastera laporan Cina pada peringkat permulaan.

## Rujukan

1. Xu, Z. Y. (2004). *Daxue Xiezu*. Shanghai: Fudan Daxue Chubanshe.
2. Li, B. Y. (2009). *Zhongguo Baogao Wenxue De Ningsi [Meditation Reportage of China]*. Beijing: Zuoja Chubanshe.
3. Yin, J. S. (2009). *Guoji Baogao Wenxue De Yuanqi Yu Fazhan [Origins and Development of International Literature Report]*. Wuhan: Huazhong Shifan Daxue Chubanshe.
4. Zhao, X. Q. (1987). *Zhongguo Baogao Wenxueshi [History of Modern Chinese Literature Report]*. Beijing: Zhongguo Renmin Daxue Chubanshe.
5. Ding, X. Y. (1998). Lun Liang Qichao Zhongguo De Baogao Wenxue [Discussion of Liang Qichao Literary Literature]. *Jiangsu Shehui Kexue*, (3), hlm. 156-160.
6. Liang, Q. C. (1981[1902]). *Yinbingshi Quanjì [Collections of Yingbingshi]*. Taipei: Wenhua Tushu Gongshi.

7. Charlotte Furth. (1983). *Intellectual change: From the reform movement to the May fourth movement, 1895-1920* [Perubahan intelektual: Dari gerakan pembaharuan sehingga gerakan 4 Mei, 1895-1920]. In *The Cambridge History of China, Republican China 1912-1949, Part 1*. Edited by John K. Fairbank. Cambridge: Cambridge University Press.